

06 MAY 2002

MAHATHIR-MYANMAR/I

PEMBEBASAN SUU KYI SATU KEMAJUAN KE ARAH DEMOKRASI DI MYANMAR

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bahawa pembebasan pemimpin pembangkang pro-demokrasi Aung San Suu Kyi selepas 19 bulan tahanan di rumah adalah satu kemajuan ke arah demokrasi di Myanmar.

Diminta mengulas sama ada pembebasan itu adalah satu langkah besar ke hadapan, katanya: "Saya fikir ia adalah satu kemajuan. Saya fikir kita patut terimanya."

Perdana Menteri bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada Mesyuarat Agung Antarabangsa ke-35 Majlis Ekonomi Lembangan Pasifik (PBEC) di sini hari ini.

Dr Mahathir jug amemuji kerajaan tentara Myanmar.

"Kedua-dua pihak patut dipuji. Saya tidak fikir sesuatu boleh dicapai sekelip mata," katanya.

Pembebasan Suu Kyi oleh junta yang memerintah dalam kejayaan selepas lebih dari sedekad kebuntuan politik.

Penerima anugerah keamanan Nobel berusia 56 tahun itu telah dihalang keluar daripada rumahnya dengan talian telefon dipotong sejak September 2000 setelah cuba menentang pengharaman kerajaan ke atas perjalanan keluar daripada ibu negara, Yangon.

Suu Kyi muncul sebagai pemimpin pergerakan demokrasi Myanmar pada 1988 selepas tentara menekan bantahan-bantahan anti-kerajaan. Tentera telah memerintah negara itu sejak 1962.

Myanmar adalah anggota perkumpulan 10 anggota Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN). Yang lain ialah Brunei, Kembangan, Indonesia, Laos, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam. -- BERNAMA

MAD MKO FR OS